



PERUTUSAN
YBHG. DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.2/2026
PADA 25 FEBRUARI 2026 (RABU) JAM 9.30 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - VII. YB Dato' Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada ahli mesyuarat yang meraikannya. Kepada yang beragama Islam, Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak dan selamat menunaikan ibadah puasa yang merupakan rukun Islam ketiga. Semoga Ramadan kali ini membawa keberkatan, ketenangan serta memperkukuh nilai kesabaran dan keikhlasan dalam diri kita.
5. Sempena berada pada bulan yang mulia ini, marilah kita bersama-sama mengambil peluang untuk memperbanyakkan amal kebajikan, memperkukuh hubungan silaturahim serta meningkatkan disiplin dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga segala usaha kita diberkati dan dipermudahkan dalam mencapai matlamat organisasi.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

ISU POKOK DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MBS

6. Saban kali, MBS dilihat tidak menyenggara pokok yang ditanam dengan baik sedangkan pokok-pokok tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan yang menyenggara di setiap *right of way* (r.o.w)
7. Sehubungan itu, saya mengarahkan Jabatan supaya menyenggara pokok dalam *r.o.w* bagi memastikan keselamatan dan keselesaan warga bandar raya Seremban.
8. Hal ini, selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) seksyen 101 (b) secara jelasnya memperuntukkan kuasa kepada PBT menanam, memangkas atau membuang pokok dan saya memohon pihak JKR memastikan pokok-pokok di dalam *r.o.w* mereka diselenggara dengan baik.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

9. Sehingga 22 Februari 2026, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM73.29 Juta)

Prestasi = **RM43.47j (50.41%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM28.97 Juta)

Prestasi = **RM3.73j (3.87%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167 Juta)

Prestasi = **RM51.50j (30.84%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5 Juta)

Prestasi = **RM64.07j(24.88%)**

(e) Belanja Mengurus (RM256.80 Juta)

Prestasi = **RM29.26j (11.40%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM13.70 Juta)

Prestasi = **RM1.90j (13.90%)**

10. Manakala perbandingan bagi tahun 2025 pula, sehingga 23 Februari 2025 adalah seperti berikut;

*****PERBANDINGAN TAHUN 2025 ADALAH SEPERTI DI
PAPARAN*****

11. Selain itu, untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan Januari Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu di beberapa taman perumahan seperti ;

- I. Taman Saujana Indah
- II. Taman Nusari Aman 2
- III. Taman Ara Sendayan
- IV. Taman Kota Seriemas
- V. Taman Hijayu Aman
- VI. Taman Arowana Impian

12. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM71,901.55** daripada **99 bilangan akaun**.

13. Manakala bagi lawatan ke premis-premis pada bulan Januari, berjaya meraih kutipan berjumlah **RM37,260.40** daripada **5 bilangan akaun** yang membuat bayaran.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

14. Sehingga 31 Januari 2026, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **4,753** buah premis
- *ULV* di **5,100** buah premis
- *Larvaciding dan Source reduction* di **43** lokaliti
- Gotong royong di **10** buah taman

15. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Januari 2026 mencatatkan;

a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2

53 pengebumian jenazah

b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

16 pengebumian jenazah

c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

8 pengebumian

d) Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

16. Untuk makluman ahli mesyuarat, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah menghebahkan mengenai Permohonan Kelulusan Khas Perniagaan (KKP) di Kawasan Tanah Persendirian di bawah Kategori Penggunaan Tanah: Pertanian. Inisiatif ini bertujuan memberi ruang dan panduan yang jelas kepada pemilik tanah untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara sah, teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.
17. Antara jenis perniagaan yang dibenarkan memohon kelulusan khas ini adalah seperti berikut ;
 - I. Kedai makan dan minuman
 - II. Pusat cucian kereta
 - III. Kedai runcit
 - IV. Dewan acara perkahwinan
18. Sehubungan itu, semua pihak yang terlibat disarankan untuk memastikan setiap permohonan dibuat mengikut prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak MBS bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan pada masa hadapan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

19. Menelusuri hari-hari yang penuh keberkatan dalam bulan yang mulia ini, kita dapat menyaksikan suasana Ramadan yang bukan sahaja

meriah, malah mencerminkan semangat kebersamaan dan tanggungjawab bersama. Alhamdulillah, sehingga Ramadan ke-7 ini, saya melihat perkembangan dan pelaksanaan bazar Ramadan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban dapat diadakan dengan teratur, tersusun dan berkesan.

20. Walau bagaimanapun, sebelum ini timbul beberapa spekulasi di media sosial berhubung dakwaan kadar bayaran sewa tapak Bazar Ramadan / Aidilfitri di Dataran Senawang yang dikatakan mencecah sehingga RM8,000.00. Perkara ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan peniaga.
21. Sehubungan itu, pihak MBS telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sidang media bagi menjelaskan keadaan sebenar serta memperincikan syarat-syarat penganjuran dan perniagaan bazar Ramadan yang telah ditetapkan. Penjelasan ini penting bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat, telus dan tidak mengelirukan mana-mana pihak.
22. Susulan daripada itu, sesi Undian Bazar Ramadan / Aidilfitri Dataran Senawang Tahun 1447H / 2026M telah dilaksanakan di Dewan MBS pada 6 Februari 2026. Kaedah pengundian ini dipilih sebagai mekanisme yang lebih tersusun dan telus bagi memastikan setiap peniaga diberikan peluang yang sama dalam pemilihan tapak perniagaan, sekali gus mengelakkan sebarang unsur pilih kasih atau salah faham.

23. Untuk makluman ahli mesyuarat dan para penonton yang mengikuti siaran langsung melalui Facebook MBS, kadar bayaran tapak yang ditetapkan adalah seperti berikut;
- I. Khemah bersaiz 20' x 20' dikenakan bayaran RM3,500.00 dengan deposit RM2,000.00.
 - II. Khemah bersaiz 10' x 10' dikenakan bayaran RM1,500.00 dengan deposit RM1,500.00.
 - III. Khemah bersaiz 10' x 10' (tapak sahaja) dikenakan bayaran RM800.00 dengan deposit RM500.00.
24. Saya ingin menegaskan bahawa Majlis Bandaraya Seremban sentiasa komited dalam memastikan pengurusan bazar dilaksanakan secara sistematik, berintegriti dan berpaksikan prinsip keadilan. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama serta bertindak pantas dalam menangani isu ini secara profesional. Pendekatan yang diambil membuktikan kesungguhan MBS dalam memelihara ketelusan dan mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap setiap dasar dan pelaksanaan yang dibuat.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

25. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun mulai 1 Januari hingga 12 Februari 2026. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2026 HINGGA 12/02/2026		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	75,899.00	
NILAI AMAUN	RM3,445.730.00	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	26129	34.4%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM425,810.00	12.4%

26. Untuk makluman, sebanyak **4,297 kompaun** telah dikeluarkan dan sebanyak **2,310 kertas siasatan** telah dibuka sehingga 31 Januari 2026 ini.

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN

27. Pada 27 Januari 2026 (Selasa), MBS telah melaksanakan operasi perobohan terhadap dua premis yang didirikan tanpa kebenaran di atas rizab awam, iaitu di Jalan S2 B19 dan Jalan S2 B22, Pusat Dagangan Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan. Operasi ini telah

dilaksanakan dengan kerjasama penuh jabatan dalaman MBS serta agensi-agensi luar berkaitan dan berjalan dalam keadaan terkawal.

28. Untuk makluman, melalui Jabatan Kawalan Bangunan, MBS telah mengeluarkan dua notis meroboh 14 hari sejak tahun 2024 serta satu notis tambahan pada tahun 2025 kepada pemilik premis terlibat. Mesyuarat OSC Bil. 9/2025 bertarikh 7 Mei 2025 turut memutuskan supaya notis pengosongan premis selama 30 hari dikeluarkan pada 22 Mei 2025 kepada dua premis berkenaan iaitu Nur Bistro Nasi Kandar Original (No.77) dan Shanaaz Bistro (No.192). Walaupun rayuan penangguhan telah dipertimbangkan dan tempoh lanjutan diberikan sehingga 31 Disember 2025, pemilik masih gagal mematuhi arahan yang telah ditetapkan.
29. Untuk pengetahuan semua, tindakan mendirikan bangunan tanpa kebenaran bertulis adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Selain itu, ia juga boleh dianggap sebagai halangan dan kacau ganggu awam di bawah Seksyen 46(1)(a) dan 86(d) akta yang sama, serta menjadi kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara kerana melibatkan pencerobohan tanah kerajaan di atas rizab awam.
30. Sehubungan itu, setelah semua notis dan ruang pertimbangan diberikan namun masih diingkari, MBS telah mengambil keputusan untuk melaksanakan tindakan perobohan selaras dengan Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Operasi ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan MBS dalam memastikan

pematuhan undang-undang serta menjaga kepentingan awam. Alhamdulillah, operasi telah berjalan dengan lancar dan aman tanpa sebarang insiden yang tidak diingini.

31. Saya juga memperingatkan warga bandar raya Seremban tidak membuat binaan secara haram di tanah kerajaan atau tanah persendirian dalam memastikan binaan tersebut selamat dan mengekekalkan keharmonian setempat. Sekiranya gagal, MBS akan menggunakan peruntukkan perundangan sedia ada dalam meroboh binaan haram yang telah dibina.

SUMBER : JABATAN KAWALAN BANGUNAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN PELAKSANAAN (FASA FORMULASI) PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) MBS 2026–2030

32. Pada 8 hingga 11 Februari 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pelan Pelaksanaan (Fasa Formulasi), Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MBS 2026–2030 yang berlangsung di KSL Hotel & Resort, Johor Bahru yang turut dihadiri oleh saya, Tuan Setiausaha serta Ketua Jabatan dan Ketua Unit serta pasukan projek PSP.

33. Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan pelan tindakan, memperincikan anggaran kos program, menentukan keutamaan pelaksanaan serta merangka pelan pelaksanaan PSP bagi tempoh lima tahun dari tahun 2026 hingga tahun 2030.
34. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Pasukan Khidmat Nasihat daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan iaitu Puan Ruziah binti Mohd Ali dan Puan Nurrulliza binti Hassan atas kesudian berkongsi kepakaran dan pengalaman sepanjang sesi bengkel ini.

TRANSFORMASI DIGITAL MBS: PUSAT KAWALAN OPERASI BERSEPADU PERKASA TADBIR URUS BANDAR PINTAR

35. Pada 3 Februari 2026, Bilik Kawalan CCTV MBS secara rasminya telah dinaik taraf kepada Pusat Kawalan Operasi Bersepadu (PKOB) MBS. Lanjutan daripada naik taraf tersebut, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Kawalan Operasi Bersepadu pada 6 Februari 2026.
36. Lawatan YAB Menteri Besar ke Pusat Kawalan Operasi Bersepadu (PKOB) MBS ini membuktikan komitmen jitu MBS dalam memacu agenda pendigitalan dan keselamatan awam. Lawatan ini, turut dihadiri YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Ketua Jabatan Pentadbiran Negeri Sembilan. Kehadiran mereka mencerminkan sokongan padu dan sinergi yang utuh antara MBS dan agensi-agensi peringkat negeri.

37. Kejayaan merealisasikan pusat kawalan bersepadu ini adalah hasil manifestasi kerja keras dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi oleh seluruh warga kerja MBS. Melalui kewujudan fasiliti serba moden ini, kita kini melangkah ke hadapan dengan keupayaan untuk melaksanakan pemantauan operasi serta tadbir urus kewangan secara masa nyata (*real-time*).
38. Inisiatif transformasi MBS ini juga dizahirkan bagi menyokong penuh aspirasi Kerajaan Negeri Sembilan. Ia merupakan langkah proaktif kita ke arah mewujudkan sebuah ekosistem pentadbiran yang lebih cekap, telus, dan berpacuan data (*data-driven*), yang mana matlamat akhirnya adalah demi menjamin kesejahteraan serta kualiti hidup rakyat. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif PKOB ini.

PELAPORAN JABATAN PENGURUSAN KUALITI & STRATEGIK

PERINTAH TETAP (MESYUARAT) (MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN) 2026

39. Untuk makluman ahli mesyuarat, Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Bandaraya Seremban) 2026 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 1/2026 pada 28 Januari 2026 dan mesyuarat bersetuju diatas penggunaan Perintah Tetap (Mesyuarat) ini. Pentadbiran Majlis akan membuat edaran Perintah Tetap (Mesyuarat) ini kepada Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit. Ini merupakan SOP atau tatacara semasa dalam mesyuarat untuk kita semua patuhi dengan penuh tertib.

PENGUNAAN AKTA 171, AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 OLEH PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

40. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian juga, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 ialah undang-undang utama yang mengawal selia pentadbiran, fungsi, dan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia, berkuat kuasa sejak 1 Januari 1977. Ia menyatukan peraturan berkaitan majlis perbandaran/ bandaraya/ daerah, cukai taksiran, lesen, serta kawalan kesihatan dan kebersihan awam. Sehubungan dengan itu, Pengarah Undang-Undang Dan Penguatkuasaan telah menyemak serta meneliti semula peruntukan akta berkenaan. Kajian terhadap undang-undang yang berkaitan dan tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

SUMBER : JABATAN PENGURUSAN KUALITI & STRATEGIK

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

MAJLIS APRESIASI BANDARAYA 2026

41. Bagi menghargai agensi kerajaan, swasta, persatuan dan individu kepada Bandar Raya Seremban, MBS telah mengadakan Majlis Apresiasi Bandaraya (MAB) kali kedua pada 30 Januari 2026 yang lalu. MAB diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan dan menghargai sumbangan, komitmen dan dedikasi warga bandar raya Seremban yang telah bersama-sama menjayakan agenda pembangunan bandaraya Seremban merangkumi aspek ekonomi, komuniti dan infrastruktur.
42. Pada tahun 2026, sebanyak 71 penerima anugerah dengan 29 kategori telah dihargai dalam majlis yang berprestij ini. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan telah hadir bersama-sama dengan YABhg. Datin Seri dan turut melancarkan 3 perkara iaitu :-
 - I. Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban 2026–2030 ;
 - II. Portal Interaktif Fun Map Seremban, dan
 - III. Baju Pelancongan “Pesona Seremban”
43. Terima kasih diucapkan kepada kesemua urus setia jabatan dan unit yang terlibat dalam menjayakan agenda MAB ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima anugerah. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan berterusan demi kemajuan dan kesejahteraan Bandaraya Seremban.

PENUTUP

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

BULAN RAMADHAN 1447H/ 2026M

44. Bersempena bulan Ramadan yang mulia ini, saya menyeru agar kita semua memperbanyakkan muhasabah diri dan memperkukuh nilai integriti dalam setiap amanah yang dipikul. Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan, bulan di mana umat Islam mengambil kesempatan untuk mempertingkatkan amal ibadah, memperbaiki akhlak serta menyemai sifat sabar dan keikhlasan dalam setiap tindakan.
45. Saya percaya Jabatan Tuan/Puan telah merancang dan mengatur program serta aktiviti yang bersesuaian sepanjang bulan puasa ini, sama ada berbentuk kerohanian mahupun kebajikan. Besarlah harapan saya agar segala inisiatif yang dilaksanakan bukan sahaja menyemarakkan penghayatan Ramadan dalam kalangan warga kerja, malah turut mempereratkan ukhuwah serta menyuburkan budaya kerja yang lebih berdisiplin, berempati dan berteraskan nilai murni.
46. Dalam masa yang sama, kita juga memahami bahawa bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh keberkatan dan rahmat, dan ianya tidak akan menghalang kita untuk terus menjalankan tugas dan tanggungjawab seharian serta kita masih dapat memberi komitmen yang terbaik dalam pekerjaan, meskipun kita berpuasa.

47. Akhir sekali, ramadhan mengajar kita untuk bersabar, bertahan, dan meningkatkan ketahanan diri, yang mana nilai-nilai ini sangat penting dalam memastikan kita terus berfungsi dengan produktif dalam apa jua tugas yang diamanahkan. Semoga dengan keberkatan bulan Ramadhan, kita dapat menjalani kehidupan seharian dengan penuh semangat dan dedikasi, sekaligus mempertingkatkan kualiti kerja yang lebih cemerlang.

Sekian, Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
25 FEBRUARI 2026